



Sektor perhotelan dan pelancongan antara terjejas akibat COVID-19 yang meningkatkan pengangguran pada Disember lalu. (Foto hiasan)

Pengangguran di Malaysia naik 4.8 peratus

772,900 dilapor tidak bekerja pada Disember 2020

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Putrajaya: Pengangguran di Malaysia meningkat kepada 772,900 orang pada kadar 4.8 peratus pada Disember 2020, demikian menurut perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bilangan penduduk bekerja pada Disember 2020 meningkat 0.1 peratus atau 19,300 orang kepada 15.22 juta orang selepas mencatatkan penurunan kecil pada bulan sebelumnya.

"Nisbah guna tenaga kepada penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus mencatatkan *trend* semakin meningkat terutama dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit; kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial; maklumat dan komunikasi serta pendidikan.

Mengikuti sektor ekonomi, penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus mencatatkan *trend* semakin meningkat terutama dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit; kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial; maklumat dan komunikasi serta pendidikan.

Namun, guna tenaga dalam industri berkaitan pelancongan seperti penginapan dan perkhidmatan makanan; pengangkutan dan penyimpanan serta kesenian, hiburan dan rekreasi terus menurun mencerminkan kesan pandemik kepada industri berkenaan.

Guna tenaga sektor pembuatan kekal merekodkan pertumbuhan positif pada Disember 2020.

Sektor pertanian serta perlombongan dan pengkuarian kekal

dalam trend negatif bagi bulan kelima, manakala sektor pembinaan turut mencatatkan penurunan bulan ke bulan.

Dari segi penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, kategori pekerja yang merangkumi 77.6 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 0.2 peratus (+23,500 orang) kepada 11.81 juta orang berbanding bulan sebelumnya.

Kategori bekerja sendiri yang merangkumi 15.8 peratus penduduk bekerja, terus mencatatkan pengurangan bagi bulan ketiga sebanyak 0.6 peratus kepada 2.4 juta orang pada Disember 2020.

Kumpulan itu terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja di pasar tani, pasar malam dan gerai makanan, *freelancers* serta pekebun kecil.

Penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu naik kepada 146,200 orang berbanding November 2020 (142,000 orang) disebabkan pelaksanaan kawalan pergerakan sepanjang bulan itu serta cuti persekolahan dan cuti perayaan yang singkat.

Kumpulan itu yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mempunyai pekerjaan untuk dikembalikan.

Pasaran buruh pada Disember 2020 yang masih dipengaruhi oleh krisis kesihatan dan kesan ekonomi, memperlambatkan momentum pemulihan pasaran buruh.

Pasaran buruh pada bulan itu kekal kompetitif dengan bilangan tenaga buruh meningkat 27,800 orang kepada 15.99 juta orang.

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) pada bulan berkenaan adalah pada 68.4 peratus.

Sementara itu, jumlah penduduk di luar tenaga buruh mencatatkan penurunan 2,600 orang berbanding November 2020 kepada 7.37 juta orang dengan komposisi terbesar disebabkan bersekolah atau latihan.



Mohd Uzir Mahidin

Mengenai kedudukan penawaran buruh pada suku tahun keempat 2020, Mohd Uzir berkata, keadaan pasaran buruh bertambah baik secara beransur-ansur dengan tenaga buruh dan guna tenaga terus meningkat berbanding suku sebelumnya, masing-masing mencatatkan 15.92 juta orang dan 15.16 juta orang.

Beliau berkata, sepanjang 2020, berdasarkan data purata suku tahunan, KPTB pada 2020 menurun 0.3 mata peratus kepada 68.4 peratus.

Katanya, dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja menurun 0.2 peratus kepada 15.1 juta orang berikutan ketidakpastian dalam pasaran buruh susulan krisis kesihatan dan ekonomi pada tahun berkenaan.

"Berikutan negara mengalami permintaan buruh yang lebih perlahan pada 2020 disebabkan impak negatif COVID-19, bilangan penganggur mencatatkan pertambahan melebihi 200,000 orang.

"Krisis kesihatan memberi impak yang besar kepada tenaga buruh dan menyebabkan kadar pengangguran mencecah lebih 4 peratus berbanding kadar purata 3 peratus yang direkodkan dalam tempoh prakrisis.

"Oleh itu, bagi 2020, kadar pengangguran meningkat kepada 4.5 peratus, kadar tertinggi yang dicatatkan sejak 1993 iaitu 4.1 peratus," katanya.